



SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED KE ARAH PERANCANGAN PERBANDARAN MAMPAN DAN BERDAYA HUNI MELALUI SOKONGAN PERKHIDMATAN DI PERINGKAT PIHAK BERKUASA TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 3 November 2023 – Kerajaan telah bersetuju untuk terus komited dalam pembangunan bandar mampan dan berdaya huni melalui pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-81 pada 2 November 2023 telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perlindungan dan Komoditi bertempat di Bangunan Parlimen. Sebanyak enam (6) kertas telah dibentangkan merangkumi dua (2) kertas pertimbangan dan empat (4) kertas makluman. Mesyuarat turut dihadiri oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Menteri Besar, Exco Kerajaan Negeri, Menteri-Menteri Persekutuan yang berkaitan dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan.

MNKT merupakan **medium perundingan bagi penggubalan dasar berkaitan hal ehwal Kerajaan Tempatan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri** selaras dengan Perkara 95 A Perlembagaan Persekutuan. Keputusan-keputusan dasar dan perkara-perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat MNKT akan dibawa untuk perhatian Kerajaan Negeri sebelum ia dilaksanakan di peringkat Kerajaan Tempatan.

MNKT Ke-81 telah bersetuju dengan penyediaan perancangan perbandaran mampan melalui satu garis panduan yang dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu **Garis Panduan Perancangan Pembangunan Semula Bandar (GPP PSB)**. Jenis-jenis pembangunan semula bandar yang dirangkumkan dalam garis panduan ini adalah Pembangunan Semula Bandar (*Urban Redevelopment*), Penjanaaan Semula Bandar (*Urban Regeneration*), Penyegaran Semula Bandar (*Urban Revitalisation*) dan Pemuliharaan Semula Bandar (*Urban Conservation*), bagi memastikan persekitaran bandar sentiasa berada pada tahap yang kondusif dan mampan.

GPP PSB telah menggariskan perkara-perkara asas berhubung pertimbangan-pertimbangan utama dalam **menguruskan permohonan berkaitan pembaharuan semula bandar** yang diharap dapat memandu pelaksanaan pembaharuan semula bandar dan digunakan oleh Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensi berkaitan serta pemaju yang disesuaikan mengikut amalan dan pemakaian Pihak Berkuasa Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan.

Selari dengan mengarusperdanakan pembangunan mampan, KPKT juga turut membangunkan satu garis panduan bagi memastikan kebajikan pekerja-pekerja dipelihara dan mematuhi perundangan yang berkuatkuasa. Melalui aspek ini, KPKT telah menyediakan **Prosedur Permohonan Bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek (*Temporary Labour Quarters – TLQ*)** untuk tempoh sementara iaitu 2024 – 2026 dan **Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (*Centralised Labour Quarters – CLQ*)** bagi pelaksanaan jangka masa panjang.

Garis panduan yang disediakan ini bertujuan membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kerajaan, pihak pemaju, majikan, pengilang dan pengusaha penginapan dalam menyediakan penginapan pekerja yang meliputi pekerja asing dan tempatan selaras dengan keperluan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] serta akta-akta lain yang berkaitan.

Selain itu, mesyuarat mengambil maklum berhubung Penglibatan Pihak Berkuasa Tempatan Dalam Pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia Melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang bertujuan merakytakan komitmen dan semangat pengekaln kawasan litupan hijau sebagai satu agenda nasional. Melalui program ini, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) telah merekodkan pencapaian keseluruhan kempen sebanyak 76juta pokok.

MNKT-81 turut mengambil maklum inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan dalam menyeragamkan pelekat kenderaan Orang Kurang Upaya (OKU) yang dikeluarkan oleh PBT-PBT. Pewartaan reka bentuk dan spesifikasi pelekat kenderaan OKU akan dibuat bagi menyeragam dan mengawal selia pengeluaran pelekat OKU dalam usaha menambahbaik aktiviti penguatkuasaan penyalahgunaan parkir OKU. Dengan ini, pemandu atau kenderaan OKU akan mempunyai akses dan mobiliti yang lebih baik di tempat awam.

Bagi meningkatkan berdaya huni bandar, mesyuarat turut mengambil maklum akan inisiatif yang dirangka oleh Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) bagi memudahcara proses kerja yang berkaitan di peringkat PBT dalam pelaksanaan dan pencapaian projek Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA 1) dan *Point of Presence* (PoP). Ianya adalah bertujuan memastikan ketersediaan infrastruktur dalam menyediakan liputan yang lebih meluas dan meningkatkan kualiti pengalaman jalur lebar yang lebih baik untuk rakyat, sebagai langkah persiapan negara untuk beralih kepada teknologi 5G.

Dalam memastikan keseimbangan kualiti kehidupan di dalam satu perbandaran yang berdaya huni, MNKT-81 juga menyokong usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dalam menyeru kerjasama daripada PBT dalam mengenal pasti dan merancang tapak perkhemahan atau rekreasi di kawasan masing-masing yang sesuai untuk dinaik taraf supaya dilengkapi dengan kemudahan fasiliti yang diperlukan untuk kenderaan rekreasi (*Recreational Vehicle – RV*).

Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri komited dan akan terus bekerjasama bagi memastikan dasar, perundangan dan hal ehwal kerajaan tempatan ditambah baik demi kemampanan perbandaran, peningkatan daya huni dan kesejahteraan komuniti. Kesemua perkara yang telah dibincang dan dipersetujui dalam Mesyuarat MNKT kali ini akan dapat membantu usaha Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memperkasa PBT dan meningkatkan tahap perkhidmatan PBT kepada rakyat.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

